

Kesejahteraan Guru: Menelusuri Peranan Modal Psikologi dan Sokongan Organisasi Terhadap Guru

*Nor Aniza Ahmad¹; Zaharah Ismail²; Rose Manisah Sulong³

¹²³ Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

*Email: nor_aniza@upm.edu.my

Abstrak

Kertas konsep ini mencadangkan model yang komprehensif dengan pengintegrasian modal psikologi dan sokongan organisasi dalam meningkatkan kesejahteraan guru. Berasal dari kajian psikologi positif dan gelagat organisasi dalam latar pendidikan, gabungan modal psikologi dan sokongan organisasi, kerangka kerja yang dicadangkan mampu meningkatkan kesejahteraan guru secara amnya. Kertas ini didahului dengan isu kesejahteraan guru yang semakin mendapat tempat pada masa ini dan seterusnya cadangan intervensi yang boleh dilakukan melalui modal psikologi dan sokongan organisasi.

Kata kunci: Kesejahteraan; Modal psikologi; Sokongan organisasi; Guru

1.0 Pengenalan

Kesejahteraan melibatkan kesihatan semua aspek tubuh badan dan minda serta merangkumi aspek fizikal, sosial, emosi dan keperluan kehidupan telah dipenuhi (Hasnain, 2023). Kesejahteraan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan setiap individu dan bagi guru pula kesejahteraan amat penting dalam menjalankan tugas seharian. Kesejahteraan guru didefinisikan sebagai tindakbalas kognitif, emosi, kesihatan dan sosial yang berkait dengan pekerjaan mereka (Viac & Fraser, 2020, p. 18).

Namun dengan era globalisasi dan kepesatan teknologi ini, tugas guru semakin mencabar dan menghadapi pelbagai tekanan. Kebelakangan ini, kajian berkenaan kesejahteraan guru semakin mendapat tempat dalam penyelidikan kerana kesejahteraan guru penting dalam membina negara bangsa (Zakaria et al., 2021), dan pada masa sekarang guru terdedah kepada tekanan daripada komuniti dan pemegang taruh yang mana membawa kepada lesu upaya (Cui & Ma, 2023). Selain itu, sistem pembelajaran yang moden ini membawa kepada beberapa kesan yang ketara seperti kekurangan guru, kadar pusing ganti yang tinggi dan semakin berkurangnya minat kepada profesion perguruan (AssViac, C. and P. Fraser, 2020). Guru yang memohon bersara awal juga semakin meningkat di Malaysia dan dikaitkan juga dengan sokongan pentadbir dan juga bebanan kerja yang harus ditanggung oleh guru (Mustapha et al., 2023).

Kesejahteraan guru adalah aspek kritikal yang perlu diberi perhatian yang mana ianya mempengaruhi iklim sekolah yang positif, kepuasan kerja serta pencapaian murid (Zhou et al., 2024). Kajian kesejahteraan guru yang dijalankan pada guru sekolah menengah di Seremban oleh Unit Psikologi Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan berada pada tahap tinggi dan sederhana. Ini menunjukkan bahawa guru-guru mendapat sokongan yang mantap dari organisasi iaitu dari pengetua dan pentadbir sekolah.

Kertas konsep ini adalah untuk melihat modal psikologi dan sokongan organisasi dalam meningkatkan kesejahteraan di Negeri Sembilan melalui teori sokongan organisasi dan juga teori Broad and Build, Emosi Positif dan membentuk satu intervensi kesejahteraan guru.

2.0 Tinjauan Teori dan Sintesis Literatur

Modal psikologi adalah perkembangan positif psikologi individu dan terdiri dari empat komponen utama (Luthans et al 2004) iaitu harapan, efikasi, daya tahan dan optimism. Modal psikologi ini berasaskan kepada gelagat organisasi positif atau POB yang mana pelopor Psycap iaitu Luthans percaya bahawa kekuatan sumber manusia adalah berasaskan kepada psikologis positif individu. (Peterson S. & Luthans F., 2003). Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan modal psikologi mempunyai hubungan positif dengan

organisasi seperti kepuasan kerja dan juga prestasi individu.(Zhang et al., 2021)(Soares Marques et al., 2021)(Lupşa & Vîrgă, 2020). Kajian menunjukkan bahawa modal psikologi atau psycap meningkatkan persepsi guru terhadap organisasi iaitu sekolah yang mana ianya mewujudkan persekitaran kerja yang positif(Javid & Rehman, 2018) , manakala Gan & Cheng(2021) dalam kajiannya berkenaan guru prasekolah di China mendapati bahawa modal psikologi boleh membantu guru untuk mewujudkan persepsi kerja yang positif serta meningkatkan kesejahteraan guru.

Sokongan sosial organisasi pula merupakan persepsi pekerja bagaimana organisasi menghargai mereka serta bagaimana organisasi menjaga kesejahteraan mereka (Eisenberger et al., (1986) , Ngang & Tengku, (2015).Manakala menurut dalam konteks pendidikan,sokongan organisasi yang diterima oleh guru adalah dari pentadbir sekolah, rakan sejawat serta warga sekolah.Impak yang dapat dilihat melalui sokongan organisasi yang diterima oleh guru adalah wujudnya sifat positif dalam diri yang membawa kepada komitmen yang tinggi kepada organisasi (Ahmad et al,2021), peningkatan prestasi guru(Tahir et al., 2019) dan juga meningkatkan penglibatan guru dalam pengajaran dan pembelajaran(Saeed & Hussain Ch, 2021). Sokongan organisasi ini mengurangkan tekanan yang terjadi dalam kalangan guru.(Masoom, M.R. 2021).

Kajian ini disokong oleh teori Broad and Build Theory oleh Frederickson dan Teori Pertukaran Sosial Blau (1964).Mengikut teori pertukaran sosial Blau, kelakuan sosial adalah dipengaruhi oleh proses pertukaran iaitu tujuannya adalah untuk memaksimakan keuntungan dan meminimalkan kos.Konsep teras adalah timbal balik, pilihan yang rasional,perundingan serta akuan sosial.Dalam konteks kajian ini iaitu dalam bidang pendidikan guru telah menyumbangkan tenaga, kepakaran serta masa manakala timbal balik yang diharapkan adalah gaji, penghargaan dan sumber dari pihak organisasi iaitu sekolah.Teorii Broad and Build membantu guru untuk untuk terus kekal positif dan dengan ini dapat membantu meningkatkan kesejahteraan guru dan mutu penyampaian guru dalam pembelajaran dapat ditingkatkan. Manakala pihak pentadbir atau pejabat pendidikan daerah serta jabatan boleh menganjurkan bengkel latihan serta seminar dalam membangunkan emosi sendiri guru yang positif.

3.0 Implikasi

Implikasi dari sudut teori dapat dilihat melalui kertas seminar ini yang mana ianya mendalami teori Broad and Build oleh Frederickson dan Teori Pertukaran Sosial Blau.Modal psikologi bertindak sebagai pemangkin emosi positif dalam diri guru dan sokongan organisasi adalah sumber luaran yang membantu guru menangani tekanan . Gabungan keduanya ini dapat menjadikan guru lebih sejahtera di tempat kerja dengan adanya persekitaran yang menyokong antara satu sama lain. Dapatan ini juga menguatkan kerangka kerja yang berkaitan sokongan organisasi dan kesejahteraan guru dalam institusi pendidikan khususnya.Implikasi praktikal adalah untuk pentadbir sekolah dan juga kepimpinan institusi pendidikan seperti Pejabat Pendidikan Daerah serta Jabatan Pelajaran yang mana mereka boleh membangunkan program atau seminar yang berkaitan meningkatkan kesejahteraan guru,Kepuasan kerja guru juga meningkat melalui sokongan organisasi yang kuat dan berterusan dari guru besar dan pentadbir sekolah yang lain. Manakala sokongan dari pentadbir juga mampu meningkatkan modal psikologi guru dan kepuasan kerja;

4.0 Kajian Masa Depan

Kajian ini mencadangkan rangkakerja yang komprehensif berkaitan dengan modal psikologi dan sokongan organisasi dalam meningkatkan kesejahteraan diri guru.Pengintegrasian modal psikologi dan sokongan organisasi dapat memberikan model yang dinamik terhadap kesejahteraan guru berbanding dengan kajian kesejahteraan guru sahaja.Intervensi dalam kesejahteraan guru dapat dijalankan melalui pengembangan modal psikologi melalui latihan dan seminar serta melalui sokongan dari pihak pentadbir.Kajian masa depan untuk melihat modal psikologi ini boleh dibangunkan dalam diri murid pula , terutama murid sekolah menengah,Modal psikologi dalam diri murid ini mampu menangani lesu upaya akademik atau *academic burnout* terutama dalam kelas- kelas peperiksaan seperti murid-murid yang akan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Penghargaan

Puan Nora Azlina Bt Othman
 Ketua Penolong Pengarah, Unit Psikologi dan Kaunseling
 Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

Rujukan

- Ass Viac C. and P. Fraser (2020), "Teachers' well-being: A framework for data collection and analysis", OECD Education Working Papers, No. 213, OECD Publishing, Paris, <https://doi.org/10.1787/c36fc9d3-en>.ociation, 7th edition, <http://www.apastyle.org/> and <http://blog.apastyle.org/>.
- Cui N, Ma H. Research on the Influence of teachers' mental health on teaching quality. *Journal of Education, Humanities and Social Sciences*. 8, 2048-2054
- Eisenberger, R., Huntington, R., Hutchison, S., & Sowa, S. (1986). Perceived organizational support. *Journal of Applied Psychology*, 71(31), 500-507. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.71.3.500>
- Hasnain, D. S. (2023). A Review on the well-being of school teachers. *International Journal of Multidisciplinary Research and Growth Evaluation*, 4(4), 519–523. <https://doi.org/10.54660/ijmrge.2023.4.4.519-523>
- Mustapha, R., Mahmud, M., Zakaria, J., Musa, M. S., & Awang, H. (2023). Exploring the mass early retirement conflict among senior teachers in malaysia: a major concern to stakeholder. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(52), 48–63. <https://doi.org/10.55573/JISED.085205>
- Putri Seni Hati, S. (2023). *Human resource manajemen*. 3(4), 0–7.
- Saeed, S., & Hussain Ch, A. (2021). The Role of Perceived Organizational Support towards Teachers' Work Engagement The Role of Perceived Organizational Support towards Teachers' Work Engagement 96. *Bulletin of Education and Research*, 43(3), 95–106. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1341157.pdf>
- Tahir, M., Farooqi, K., Ahmed, S., Ashiq, I., & Scholar, P. (2019). Relationship of Perceived Organizational Support with Secondary School Teachers' Performance Relationship of Perceived Organizational Support with SST Performance. *Bulletin of Education and Research*, 41(3), 141–152. <https://eric.ed.gov/?id=EJ1244691>
- Zhou, S., Slem, G. R., & Vella-Brodrick, D. A. (2024). Factors Associated with Teacher Wellbeing: A Meta-Analysis. *Educational Psychology Review* 36(2). Springer US. <https://doi.org/10.1007/s10648-024-09886-x>
- Hasnain, D. S. (2023). A review on the well-being of school teachers. *International Journal of Multidisciplinary Research and Growth Evaluation*, 4(4), 519–523. <https://doi.org/10.54660/ijmrge.2023.4.4.519-523>
- Mustapha, R., Mahmud, M., Zakaria, J., Musa, M. S., & Awang, H. (2023). Exploring the mass early retirement conflict among senior teachers in malaysia: a major concern to stakeholder. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(52), 48–63. <https://doi.org/10.55573/JISED.085205>
- Putri Seni Hati, S. (2023). *Human resource manajemen*. 3(4), 0–7.
- Saeed, S., & Hussain Ch, A. (2021). The Role of Perceived Organizational Support towards Teachers' Work Engagement The Role of Perceived Organizational Support towards Teachers' Work Engagement 96. *Bulletin of Education and Research*, 43(3), 95–106. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1341157.pdf>
- Tahir, M., Farooqi, K., Ahmed, S., Ashiq, I., & Scholar, P. (2019). Relationship of Perceived Organizational Support with Secondary School Teachers' Performance Relationship of Perceived Organizational Support with SST Performance. *Bulletin of Education and Research*, 41(3), 141–152. <https://eric.ed.gov/?id=EJ1244691>
- Zhou, S., Slem, G. R., & Vella-Brodrick, D. A. (2024). Factors associated with teacher wellbeing: A meta-analysis. In *Educational Psychology Review* 36(2). Springer US. <https://doi.org/10.1007/s10648-024-09886-x>